

BERITA HARIAN

Pasaran saham tempatan mampu lepassi 1,500 mata

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@bharian.com.my

Penganalisis yakin paras tertinggi dicapai dua ke tiga tahun lagi

PASARAN saham tempatan berpotensi melepasi paras tertinggi dalam sejarah, iaitu 1,500 mata dalam dua hingga tiga tahun lagi, berikutan ia sudah mencapai dasarnya dan sedang membentuk aliran peningkatan kukuh.

Pengarah Urusan Icapital.biz Bhd, Tan Teng Boo, yakin pasaran saham dan ekonomi Malaysia akan mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi dunia yang kini diterajui China.

◆Pemulihan ekonomi dunia yang diketuai China sudah bermula dan lantunan segera berbentuk 'V'◆
dijangka bakal dialami.

◆Keyakinan ini agak bercanggah dengan andaian sebahagian besar penganalisis, namun saya yakin China bakal muncul sebagai kuasa ekonomi utama yang mampu mencorakkan pergerakan pasaran dan perdagangan global, khususnya negara Asia seperti Malaysia,◆ katanya pada sidang media sempena mesyuarat agung tahunan Icapital di Kuala Lumpur, semalam.

Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (sebelum ini dikenali Indeks Komposit Kuala Lumpur) merekodkan paras tertinggi dalam sejarah iaitu 1,507.04 mata pada 14 Januari 2008 sebelum menjunam 44.76 peratus atau 674.6 mata ke paras terendah 832.44 mata pada 28 Oktober 2008.

Penanda aras utama pasaran tempatan itu kemudian terperangkap dalam jajaran 830 hingga 900 mata selama lima bulan, sebelum aliran peningkatan baru tercetus pada 12 Mac lalu, iaitu daripada paras 838.39 mata.

Daripada paras permulaan aliran itu sehingga penutup semalam, iaitu 1,186.89 mata, FTSE Bursa Malaysia KLCI sudah mencatat peningkatan 41.56 peratus atau 348.45 mata.

Tan menjelaskan, dalam jangka pendek pasaran saham tempatan mampu melonjak lima hingga 10 peratus daripada paras semasa.

Katanya, sasaran umum indeks bagi tempoh beberapa bulan akan datang adalah 1,250 mata, yang akan dipacu oleh saham sektor perladangan, perbankan serta pembinaan.

◆ Pergerakan pasaran tempatan juga akan dipengaruhi oleh aliran berita dan pergerakan bursa utama global. Bagaimanapun, kami juga menjangka pembetulan pasaran akan berlaku dari semasa ke semasa, ◆ katanya.

Beliau menambah, isu penularan wabak selesema babi (H1N1) dan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang, 25 Ogos ini, dijangka tidak memberi kesan ketara kepada pasaran kerana pelabur lebih menumpukan kepada pemulihan ekonomi global.

Dalam jangka panjang, katanya, faktor utama perlu diberi perhatian adalah pergerakan ekonomi global serta situasi politik dalam negara.

◆ Selagi Malaysia tidak mengalami pergolakan politik yang besar, jangkaan jangka panjang bagi Bursa Malaysia kekal positif, ◆ katanya.

Tan berkata, langkah kerajaan memperkenalkan dua pakej rangsangan berjumlah RM67 juta serta liberalisasi berperingkat bertepatan dan mampu memberi kesan baik dalam jangka panjang.

◆ Langkah itu harus diteruskan walaupun wujud petunjuk bahawa ekonomi berkemungkinan besar akan meningkat semula pada pertengahan kedua tahun ini atau awal tahun depan. Ia penting untuk pertumbuhan jangka panjang, ◆ katanya.

Tan yang tidak sependapat dengan pandangan majoriti berkata, sekarang masa sesuai untuk membuat pelaburan jangka panjang.

Sebelum ini beliau berpendapat, kegawatan ekonomi global kini bukan berpunca daripada krisis gadai janji subprima AS tetapi disebabkan situasi panik masyarakat global apabila Lehman Brothers tidak diselamatkan oleh Kerajaan AS seperti institusi kewangan gergasi lain di negara itu.

Hak Cipta Terpelihara 2007 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.